

PKS perlu dibantu dalam Pelan Pemulihan Negara

KUALA LUMPUR: Pelan Pemulihan Negara diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin Selasa lalu, sebagai strategi konkrit untuk Malaysia keluar daripada ancaman COVID-19.

Felo Akademi Sains Malaysia, Datuk Dr Madeline Berma, berkata pelan itu membolehkan kumpulan perniagaan membuat persediaan rapi menjelang pembukaan penuh sektor ekonomi pada fasa keempat hujung tahun ini.

Bagaimanapun, beliau percaya jumlah kerugian negara adalah signifikan sebelum lebih banyak sektor ekonomi dibuka pada fasa ketiga dan keempat, sekali gus berharap kerajaan segera mengumumkan bantuan kepada perniagaan terkesan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Pelan Pemulihan Negara menggariskan perancangan keluar jelas untuk kita keluar daripada pandemik ini, maka kita tidak lagi perlu tunggu dan lihat saja.

"Namun, ia juga memberi gambaran impak terhadap ekonomi menjelang akhir tahun ini. Jika penutupan penuh sejak 1 Jun lalu menyebabkan negara kerugian RM1.5 bilion sehari, kita boleh bayangkan jumlahnya dalam empat fasa ini.

"Maka, tumpuan perlu diberikan kepada PKS, yang berdasarkan kajian Jabatan Perangkaan mendapati sejumlah besar terpaksa ditutup jika penutupan ekonomi berterusan atau hanya dapat beroperasi antara tiga hingga enam bulan saja," katanya kepada BH, hari ini.

Beliau mengulas Pelan Pemulihan Negara yang merangkumi empat fasa antara bulan ini hingga Disember depan, yang berpaksikan kepada tiga indikator ambang utama untuk beralih dari satu fasa ke fasa seterusnya iaitu jumlah kes harian, kadar penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) dan peratus populasi menerima dua dos suntikan vaksin.

Setiap peralihan fasa akan menyaksikan beberapa sekatan ekonomi dan sosial dilonggarkan. Semua sektor ekonomi akan dibenarkan beroperasi pada fasa keempat, yang dijangka seawal Oktober depan.

Madeline turut mencadangkan beberapa bentuk bantuan perlu menjadi keutamaan kerajaan, antaranya menyokong PKS melaksanakan transformasi hijau dan digital, dengan menggunakan pendekatan pelbagai tahap dan agensi dalam melaksanakan bantuan serta dasar.

Katanya, kerajaan juga perlu menjamin keselamatan internet bagi membolehkan PKS berfungsi dalam persekitaran selamat dan cekap bagi menyokong ekonomi gig.

"Kerajaan juga perlu menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) membantu syarikat kecil, khususnya PKS yang berdaya tahan dan maju, selain mempermudah penyampaian bantuan kepada PKS yang memerlukan bantuan segera serta maklumat padat dan mudah difahami.

"Bantuan juga perlu disalurkan untuk meningkatkan jumlah syarikat pemula berasaskan inovatif, merangka strategi keluar untuk PKS dan memberi peluang mereka menceburi perniagaan kedua," katanya.

Sementara itu, pensyarah ekonomi Universiti Malaya (UM), Dr Zarinah Yusof, berkata Pelan Pemulihan Negara membantu negara mencapai pemulihan ekonomi dan sistem kesihatan awam dengan lebih berkesan, dan kembali menuju kestabilan menjelang hujung tahun ini.

Berdasarkan kelonggaran ekonomi secara berperingkat pada setiap fasa, beliau menjangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia hujung tahun ini pada kadar 4.5 hingga lima peratus.

"Pelan ini menunjukkan kemajuan positif akan dicapai dalam masa terdekat, di samping membantu peniaga dan syarikat merancang pemulihan perniagaan masing-masing dengan lebih baik.

"Ini kerana pelan ini menyenaraikan sektor ekonomi yang boleh beroperasi pada tempoh tertentu, sekali gus memudahkan peniaga membuat perancangan aktiviti perniagaan," katanya.

Mengulas lanjut, Zarinah menyifatkan tempoh masa untuk ekonomi dapat beroperasi sepenuhnya dalam fasa keempat sebagai munasabah, berdasarkan trend jangkitan COVID-19 yang semakin melandai dan jumlah penerima vaksin yang meningkat.

"Untuk memastikan sektor ekonomi dapat beroperasi sepenuhnya seperti yang dirancang, kerajaan perlu mempercepat pemberian vaksin dan memastikan semua rakyat Malaysia mematuhi prosedur operasi standard (SOP) sehingga keadaan pulih sepenuhnya," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/829596/pks-perlu-dibantu-dalam-pelan-pemulihan-negara>